

01/09/2000

Afta: EON, Proton pertingkat kerjasama

SHAH ALAM, Khamis - Edaran Otomobil Nasional (EON) dan Proton mesti terus mempertingkatkan kerjasama ke arah mengatasi cabaran yang akan dihadapi apabila perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dilaksanakan pada 2005, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan memperakui sinergi dan kerjasama erat yang wujud antara Proton dan EON telah memastikan kereta nasional tetap menjadi pilihan utama di Malaysia daripada segi kualiti, harga yang kompetitif dan khidmat selepas jualan yang kukuh.

"EON mestilah mewujudkan pasukan pengurusan yang responsif yang dapat menyesuaikan diri kepada perubahan menjelang 2005 iaitu apabila Afta dilaksanakan," katanya pada pelancaran karnival jualan Proton Waja di ibu pejabat EON di Glenmarie dekat sini, hari ini.

Proton (Perusahaan Otomobil Nasional) adalah pengeluar kereta nasional pertama manakala EON (Edaran Otomobil Nasional) adalah pengedarnya.

Pada 1 Jun lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia mahu pelaksanaan perjanjian Afta ditangguh sehingga tahun 2005 dari 2003 untuk melindungi industri kereta nasional.

Awal tahun ini Asean bersetuju menangguhkan pemindahan produk CBU (siap pasang) dan CKD (pasang semula) dalam industri automotif daripada Senarai Pengecualian Sementara kepada Senarai Kemasukan Afta pada 1 Jan 2005.

Abdullah berkata, beliau berbangga dengan usaha EON untuk terus membangunkan tenaga kerjanya, melatih serta mendorong mereka bagi mempersiapkan diri menghadapi cabaran yang mendatang.

Beliau berkata, EON mempunyai rekod perhubungan industri yang amat baik dengan kadar kakitangan berhenti hanya 0.8 peratus sejak 10 tahun lalu.

Mengenai Proton Waja, Abdullah berkata, rakyat wajar berbangga dengan kejayaan Proton melahirkan kereta nasional terbaru itu dengan menggunakan hampir sepenuh tenaga mahir tempatan.

Katanya, kejayaan jurutera tempatan melalui program pembangunan kereta Proton Waja juga berjaya mengurangkan aliran keluar mata wang negara.

"Pengurangan kos sebanyak RM400 juta setahun dengan meminumkan kandungan komponen yang diimport untuk Proton Waja dapat mengurangkan aliran keluar wang negara," katanya.

Abdullah berkata, Program Pembangunan Proton Waja yang bernilai RM970 juta itu turut membabitkan kerjasama jurutera tempatan Proton dengan 20 vendor tempatan bagi merekabentuk komponen kereta berkenaan.

(END)